



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
Tel: 03-88877033 Faks: 03-88811008

### **RAJA PERMAISURI AGONG BERKENAN RASMI FLORIA DIRAJA PUTRAJAYA 2024**

**PUTRAJAYA, 22 Ogos 2024** – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofia hari ini berkenan merasmikan Floria Diraja Putrajaya 2024 serta melawat tapak festival di Presint 2 yang mempamerkan pelbagai spesies dan kultivar bunga-bunga serta tanaman hiasan. KDYMM SPB RPA turut berkenan menyempurnakan gimik perasmian dan diperkenalkan dengan hibrid baharu orkid dari species Vanda dengan nama Vandachostylis Queen Zarith Sofiah.

Keberangkatan tiba KDYMM SPB RPA disambut oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YBhg. Datuk Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya dan dif-dif kehormat yang lain.

Festival Bunga dan Taman Diraja Putrajaya atau singkatannya Royal FLORIA Putrajaya (RFP2024) merupakan acara ikonik anjuran Perbadanan Putrajaya dengan sokongan Jabatan Wilayah Persekutuan yang akan memasuki penganjuran kali ke-13 pada tahun ini. Dengan tema 'Raikan Bersama! *"Celebrate Together!"*', RFP2024 akan berlangsung di Persisiran Tasik, Presint 2 bermula pada 22 Ogos hingga 1 September 2024. Selama 11 hari penganjuran, FRP2024 akan mula dibuka bermula jam 9.00 pagi hingga 10.00 malam (Isnin - Khamis), manakala waktu operasi bagi hujung minggu pula adalah pada 9.00 pagi hingga 12.00 tengah malam (Jumaat - Ahad). Bagi penganjuran kali ini,

FRP2024 telah mengangkat bunga Petunia sebagai bunga tema kerana keunikan struktur pertumbuhan, keindahan warna kelopak bunganya yang cantik dan menjurai dapat menyuntik elemen estetika seumpama menerangi dan menceriakan suasana tapak pameran untuk para pengunjung menikmatinya.

Komponen utama bagi FRP2024 adalah pameran taman dengan penyertaan lebih dari 30 jabatan dan agensi kerajaan termasuk PPj sendiri, agensi korporat dan swasta, persatuan dan pengusaha bunga serta sekolah dan institusi pengajian tinggi yang bakal mengetengahkan gabungan idea segar, teknik tersendiri serta reka bentuk unik dalam seni pameran taman. Antara agensi dan syarikat yang turut serta adalah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Labuan (PL), Jabatan Landskap Negara (JLN), Majlis Perbandaran Sepang (MPS), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Bandaraya Seremban (MBS), Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Putrajaya Holding, Pulse Group dan lain-lain.


Selain itu, antara komponen lain yang menjadi tarikan utama adalah Astaka Flora iaitu pameran bunga-bunga *indoor* yang menghimpunkan penyertaan daripada 10 buah negara luar (Malaysia, Thailand, Vietnam, Singapore, Filipina, Taiwan, Jepun, Hong Kong, Indonesia dan Brunei) bagi kategori gubahan bunga (*flower bouquet*), pameran dan pertandingan pelbagai kategori orkid, bonsai serta terarium. Astaka Flora membawakan tema *Tropical Wonders Highland & Lowland (Keajaiban Tropika Tanah Tinggi & Tanah Rendah)* dengan menjanjikan keindahan koleksi tumbuhan tropika yang menyuntik suasana segar dan nyaman dalam hiasan taman serta bunga-bunga. Terdapat juga Taman Malaysia Madani dan Taman Diraja yang menjadi tarikan utama bersempena Sambutan Kebangsaan 2024.

Antara tarikan yang dijangka bakal menggamit pengunjung adalah gerai jualan *Garden Bazaar* yang menjual pelbagai produk landskap, hortikultur dan perkebunan, *Community Garden* yang menjual hasil dan produk pertanian bandar dari Kebun Komuniti Putrajaya, pameran dan pemberian khidmat nasihat pertanian daripada Jabatan Pertanian dan *Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI)*, gerai jualan

kraftangan produk seni dan kraf tempatan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) dan gerai jualan makanan dan minuman yang dikenali sebagai *Feast Garden* yang menyajikan pelbagai masakan tempatan dan antarabangsa.

Floria Diraja Putrajaya 2024 akan mempamerkan lebih 500 jenis orkid daripada pelbagai spesis dan hibrid yang cantik dan pelbagai warna. Persatuan Orkid Malaysia juga akan menganjurkan pertandingan orkid. Selain pertandingan, pameran orkid dari lebih 15 koleksi Orkid Khas yang terdiri daripada nama-nama Diraja dan orang kenamaan. Di samping pameran orkid, RFP2024 juga akan mempamerkan keindahan seni miniatur landskap (terrarium) yang dihasilkan melalui kreativiti pelajar-pelajar sekolah, pameran dan pertandingan bonsai serta suiseki oleh Persatuan Bonsai Malaysia, pameran *Floral Masterpiece* bertemakan koleksi tumbuhan *Highland and Lowland* yang menakjubkan. Floria Diraja Putrajaya 2024 juga diisi dengan lebih daripada 100 aktiviti sampingan seperti bengkel, demonstrasi, larian, berbasikal dan persembahan pentas sepanjang acara berlangsung.

Selaras dengan model C.H.A.S.E. City seperti yang dihasratkan oleh YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), salah satunya adalah C iaitu Clean City (Bandar Bersih) bukan sahaja mencerminkan bandar yang bersih tetapi turut berupaya mencipta persekitaran menyenangkan termasuk landskap menarik dan ruang hijau yang indah. Oleh yang demikian, penganjuran Floria Diraja Putrajaya 2024 turut menyumbang kepada penzahiran model C.H.A.S.E. City terutamanya di Wilayah Persekutuan Putrajaya.



b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya  
Tarikh: 20 Ogos 2024

---

Sila hubungi Pegawai Media PPJ (En Asmawi Ahmad di talian 012-6155516 atau Puan Haryani Kaulan di talian 019-3831564) bagi keterangan lanjut berhubung siaran media ini.